

BERSATU Johor tak hasrat tarik balik sokong MB

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Johor tidak berhasrat untuk menarik balik sokongan terhadap kepimpinan Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad daripada parti UMNO.

Perdana Menteri, yang juga Pengerusi BERSATU Johor, berkata fokus parti itu ketika ini adalah mengenai perihwal rakyat, selain tidak mahu menimbulkan sebarang pergolakan di semua peringkat.

“Setakat hari ini tiada apa-apa keputusan dibuat (tidak sokong Menteri Besar Johor).

“Fokus BERSATU ialah fikir tentang rakyat, agar tidak timbul pergolakan yang akan bawa kesan buruk di negeri (Johor) dan peringkat negara,” katanya ketika ditanya, sama ada BERSATU Johor akan menarik balik sokongan terhadap Hasni.

Muhyiddin berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat BERSATU Johor dan Perikatan Nasional (PN) Johor secara berasingan di sini, semalam.

Beliau menegaskan PN Johor kekal mendukung kerajaan negeri biarpun beberapa pendirian dibuat UMNO sebelum ini mengecewakan.

“Untuk menjaga masalah masyarakat di Johor, kita akan terus bersama-sama. Itu janji kita, bukan untuk UMNO, tetapi untuk Johor,” katanya.

Antara yang pada mesyuarat itu ialah Setiausaha BERSATU Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal; Ketua Bahagian BERSATU Ayer Hitam, Datuk Osman Sapian dan Ahli Parlimen Mersing, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad.

Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor mengandungi 56 kerusi dengan UMNO dan DAP masing-masing menguasai 14 kerusi, BERSATU (12), MIC (2), PAS (1), Parti Amanah Negara (9) dan PKR (4).

Kerajaan Johor memiliki majoriti tipis dengan 29 kerusi berbanding 27 kerusi di blok pembangkang.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, BERSATU dan PAS bersedia mengatur persiapan rapi bagi mendepani Pilihan Raya



Muhyiddin diiringi Dr Sahrudin (kanan) hadir pada mesyuarat BERSATU dan PN Johor, di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Umum Ke-15 (PRU-15).

Beliau berkata, komitmen PAS untuk bersama PN bagi menghadapi PRU-15 adalah bukti setia kawan yang tinggi.

“Kita melihat ke hadapan untuk membuat persiapan dalam pilihan raya. Ini penting. Kerjasama yang ada antara BERSATU dan

PAS sebagaimana kenyataan rasmi dikeluarkan amat dialu-alukan termasuklah di (PN) Johor,” katanya.

Muhyiddin berkata, apa juga ke-melut yang berlaku dengan UMNO, BERSATU harus fokus persediaan menghadapi PRU-15.

“Apa pun yang berlaku itu soal

UMNO. Tapi dari sudut kerjasama dengan PAS, BERSATU ke hadapan, itu jelas.

“Ini termasuk penubuhan jawatankuasa bersama yang akan berbincang mengenai persiapan pilihan raya, rundingan kerusi. Saya rasa ini yang mahu diutamakan,” katanya.